

## Jalani ujian kesihatan elak risiko

**Kuala Lumpur:** Nurul Uyun Mazlan atau mana-mana ibu susuan lain dinasihatkan menjalani ujian kesihatan untuk memastikan beliau bebas daripada penyakit berjangkit dan mengamalkan kaedah penyimpanan susu yang selamat.

Pengurus Projek, Program Pembimbing Ibu Menyusu Malaysia (MBFPC) Nor Kamariah Mohamad Alwi berkata, keluarga bayi yang menerima susu daripada ibu susuan juga digalakkan menjalani ujian kesihatan demi kebaikan bersama.

“Ujian kesihatan ini penting untuk mengelakkan jangkitan penyakit berjangkit. Contohnya wanita yang mempunyai penyakit HIV positif, tidak boleh sama sekali menderma susunya kerana risiko jangkitan ke atas bayi amat besar,” katanya.

NURUL Uyun menunjukkan peket susu yang disimpan dalam peti sejuk.

# MURAH HATI DERMA

# SUSU BADAN

FOTO: AHMAD IRHAM MOHD NOOR

Info



## Wanita 'istimewa' mampu pam lapan botol sehari

18/1/13  
Metro MS 10

Oleh Hayati Ibrahim dan  
Yusliza Yakimir Abd Talib  
am@hmetro.com.my

### Putrajaya

Simpat terhadap tiga ibu yang tidak mampu memberi susu badan kepada anak masing-masing akibat masalah kesihatan, seorang wanita bermurah hati menjadikan ketiga-tiga bayi mereka sebagai anak susuannya.

Tanpa mengharapkan sebarang balasan, Nurul Uyun Mazlan, 30, berkata, naluri keibuannya mendorong dia berbuat demikian walaupun sudah mempunyai dua cahaya mata, Dania Alisha Almaduddin, 3, dan Dania Maisarah, tiga bulan.

Kemuliaan hati Nurul Uyun itu seharusnya membuka mata masyarakat mengenai amalan menjadi ibu susuan, sesuatu yang lazim dilakukan masyarakat Arab dan diharuskan Islam, tetapi jarang diamalkan umat Islam negara ini.

Pendakwah bebas, Zawiyyah Hassan berkata, menderma susu badan kepada bayi yang memerlukannya, bukan saja dibenarkan syarak, malah dianggap perbuatan mulia dan mendapat ganjaran pahala, sama seperti amalan bersedekah.

"Sedangkan niat berbuat kebaikan pun sudah dapat pahala, inikan pula mender-

ma susu tanpa mengharap balasan. Apatah lagi susu didermakan itu boleh membantu bayi mendapatkan khasiat penting untuk tumes-  
besarannya.

"Allah sudah menjanjikan satu kebaikan diberi ganjaran 10 kali ganda, malahan boleh sampai 700 kali ganda pahala," kata Zawiyyah yang juga bekas Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Keluarga, Sosial dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Menurutnya, amalan ibu susuan lumrah di kalangan bangsa Arab dan Halimatus Saadiah amat bertuah kerana menjadi ibu susuan Rasulullah SAW.

Bagi Nurul Uyun yang juga seorang pembantu akaun, hasrat untuk menjadi ibu mula tercetus apabila dia mempunyai stok susu perahan ibu (EBM) yang banyak selepas Dania Maisarah dilahirkan.

Menurutnya, sepanjang berpantang dia berazam mengumpul susu perahan bagi memastikan anak keduanya itu mendapat khasiat sepenuhnya.

"Apabila mula bekerja saya dapat mengumpul hampir 600 auns (17.7 liter) stok susu sedangkan hanya menggu-

nakan satu pekot EBM seberat enam auns (0.18 liter) saja dalam sehari untuk bekalan Dania Maisarah.

"Dalam satu hari saya boleh pam sehingga lapan botol dan dalam sebulan saya mampu mengumpul lebih 70 pekot EBM. Lama-kelamaan

peti ais saya penuh hingga tidak ada ruang untuk menyimpan makanan," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Sungai Ramal Dalam, di sini.

Nurul Uyun berkata, mengikut piawaian kesihatan, EBM hanya baik digunakan untuk tempoh tiga bulan saja dan situasi itu menyebabkan dia serba salah kerana stok EBM miliknya yang disimpan pada November tahun lalu masih belum digunakan.

"Jadi saya tanya pendapat kawan-kawan dan mereka cadangkan saya mengambil anak susuan. Selepas mengkaji baik buruk dan mendapat persetujuan suami, sa-



BALQIS (depan) antara penerima susu perahan Nurul Uyun.

ya mengiklankannya di laman sosial Facebook.

"Hanya sehari selepas itu saya mendapat maklum balas dari ibu yang ingin mencari ibu susuan dan saya bersemangat menyusukan bayi berkenaan selepas mengetahui masalah mereka," katanya.

Menurutnya, anak susuan pertama, Balqis Aleesya berusia sembilan bulan tidak boleh minum susu formula dan ibunya, seorang guru, turut mempunyai masalah kekurangan susu.

Anak susuan kedua Nurul Uyun, Iffah Safiya berusia lapan bulan pula ada masalah kesihatan dan tidak boleh minum susu formula manakala ibu kepada bakal anak susuan ketiga yang bakal lahir Februari ini menghidap kanser payudara.

"Saya berbesar hati membantu mereka semua. Hendak bantu dari segi kewangan tidak mampu, dapat tolong dengan membekalkan susu ibu sudah membuatkan saya bersyukur," katanya.

- Wanita yang menyusukannya
- Anak wanita yang menyusukannya sama ada anak kandungnya atau anak suaminya yang terdahulu
- Cucu wanita yang menyusukannya sama ada daripada anak lelaki atau anak perempuannya
- Bayi sesusuan, sekiranya ibu menyusukan lebih daripada seorang bayi, bayi itu menjadi saudara susuan antara mereka

- Ibu kepada wanita yang menyusukan
- Nenek kepada wanita yang menyusukan dan ke atas
- Adik-beradik wanita yang menyusukannya, tetapi anak kepada adik-beradik wanita itu tidak diharamkan berkahwin dengannya
- Wanita yang menyusukan diharamkan berkahwin dengan anak kepada bayi yang disusukan dan ke bawah

## Jaga hubungan

**Putrajaya:** Islam membenarkan seseorang wanita menyusukan bayi yang bukan anaknya, malah mereka boleh diberi upah sebagai ganjaran terhadap khidmat itu, kata Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Othman Mustapha.

Menurutnya, sebaik-baiknya seseorang bayi disusukan ibu kandung dan khidmat ibu su-  
suan diharuskan jika ibu ada masalah kesihatan sehingga mereka tidak boleh menyusukan bayi yang dilahirkan.

"Selain itu, keluarga

anak susuan dan keluarga ibu susuan perlu sentiasa menjaga hubungan kekeluargaan supaya perubahan dalam susur galur keluarga dapat diketahui bagi mengelakkan berlaku perkahwinan antara saudara susuan.

"Bagi mengelakkan masalah, lebih afdal ibu yang tidak mempunyai susu mencari keluarga terdekat sebagai ibu susuan sekiranya ada. Ini penting untuk memastikan kesihatan bayi terjamin dan salasilah hubungan kekeluargaan terpelihara," katanya ketika dihubungi Harian Metro.